



**PERUTUSAN PANGLIMA TENTERA UDARA  
SEMPENA TAHUN BARU 2019**

BISMILLAHIRRAHMANNIRRAHIM

ALHAMDULILLAH RABBIL ALAMIN, WASSOLATU WASSALAMU ALA  
SAYYIDINA MUHAMMADIN ASHRAFIL ANBIYA I WAL MURSALIN,  
WA ALA ALIHI WA SOHBIHI AJMAIN

**ASSALAMUALAIKUM WA RAHMATULLAHI WA BARAKATUH DAN  
SALAM SEJAHTERA**

ALHAMDULILLAH, MARILAH KITA BERSAMA-SAMA MEMANJATKAN  
KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WA TAALA KERANA  
ATAS KEIZINAN DAN LIMPAHAN KURNIANYA JUA DAPAT KITA  
MENGHARUNGI PELBAGAI CABARAN DAN MENGUKIR PELBAGAI  
PENCAPAIAN PADA TAHUN 2018 YANG BARU SAHAJA MELABUHKAN  
TIRAINYA. SEMOGA SEGALA USAHA DAN KOMITMEN KITA SEPANJANG  
TAHUN 2018 MENDAPAT KERAHMATAN DAN KEBERKATAN DARI YANG  
MAHA ESA.

## **WARGA TUDM YANG SAYA KASIH SEKALIAN,**

TAHUN 2018 MERUPAKAN SATU TAHUN YANG BOLEH DIANGGAP MENCABAR KEPADA TUDM SEBAGAI SEBUAH KETUMBUKAN UDARA. SUASANA EKONOMI NEGARA MASA KINI YANG AGAK LEMBAB MENYEBABKAN KERAJAAN TERPAKSA MENGAMBIL PELBAGAI LANGKAH DAN INISIATIF BAGI MENSTABILKAN KEADAAN. SECARA TIDAK LANGSUNG, TUDM TURUT TERKESAN DISEBABKAN SITUASI INI.

AKAN TETAPI, WALAUPUN BERDEPAN DENGAN PELBAGAI CABARAN GETIR, TERUTAMANYA KESAN DARIPADA PENGURANGAN BAJET PERTAHANAN SERTA LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN YANG DISARANKAN OLEH KERAJAAN, TUDM TETAP BERDAYA SAING SERTA MAMPU MELAKSANAKAN SEGALA PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB YANG TELAH DIAMANAHKAN DENGAN BAIK, HASIL DARI USAHA YANG DIJAYAKAN OLEH SELURUH WARGA TUDM SECARA KOLEKTIF.

SAYA AMAT BERBANGGA DENGAN KERJASAMA YANG TELAH DITUNJUKKAN OLEH SEGENAP LAPISAN WARGA TUDM. SAYA MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH DAN SYABAS KEPADA SELURUH WARGA TUDM YANG TELAH MENJAYAKAN SEGALA USAHA INI, YANG TELAH DILAKSANAKAN MELALUI PELAN-PELAN TINDAKAN YANG DISELARASKAN DENGAN **PERINTAH ULUNG** DAN JUGA INSTRUMEN PEMANTAUAN SEPERTI PELAPORAN **KPI STRATEGIC READINESS SYSTEM TUDM** DAN **PELBAGAI AUDIT YANG LAIN.**

ALHAMDULILLAH, PELAKSANAAN DAN PEMATUHAN KEPADA KPI SRS TUDM DAN ASPIRASI PELAN TINDAKAN PERINTAH ULUNG YANG BERTERASKAN KEPADA ENAM TONGGAK UTAMA IAITU **KESIAGAAN, BUDAYA SENGGARAAN, PEMBANGUNAN MODAL INSAN, PEMINDAHAN TEKNOLOGI, PENGURUSAN CEMERLANG DAN KEBAJIKAN WARGA**, TELAH MEMBERIKAN IMPAK DAN *OUTCOME* SEPERTI YANG DIHARAPKAN.

**PERWIRA, BINTARA DAN PERAJURIT TUDM SEKELIAN,**

DALAM ASPEK **KESIAGAAN** DAN **BUDAYA SENGGARAAN**, UNTUK TAHUN 2018 MELALUI STRATEGI **TARGETED AIRCRAFT** HASIL DARI KERJASAMA YANG DIGEMBELING OLEH SEMUA PIHAK, KITA TELAH BERJAYA MENINGKATKAN PERATUSAN KEBAIKAN PESAWAT SERTA ASET STRATEGIK YANG LAIN. WALAUPUN PERATUS KEBAIKAN PESAWAT INI MASIH LAGI BELUM MENCAPAI TAHAP SEPENUHNYA SEPERTI YANG DISASARKAN, KITA SEBENARNYA MASIH BOLEH BERBANGGA KERANA MAMPU MENUNJUKKAN PENINGKATAN TAHAP KESIAGAAN WALAUPUN BERDEPAN DENGAN PELBAGAI KEKANGAN TERMASUK PENGURANGAN BAJET PERTAHANAN DAN LANGKAH PENJIMATAN UMUM KERAJAAN.

MISI TERBANG LINTAS YANG MELIBATKAN 57 BUAH PESAWAT TUDM PADA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN YANG KE 61 DI RUANG UDARA PUTRAJAYA, MERUPAKAN SATU TESTIMONI PENINGKATAN TAHAP KESIAGAAN TUDM, YANG MANA TELAH BERJAYA MENEPIS PERSEPSI NEGATIF YANG SEDIKIT SEBANYAK TELAH MENJEJASKAN KREDIBILITI TUDM. KEJAYAAN MISI TERBANG LINTAS TERSEBUT MERUPAKAN SATU MANIFESTASI BUDAYA CEMERLANG ORGANISASI DAN WARGA TUDM YANG MANA TELAH BERJAYA MEMULIHKAN IMEJ TUDM DI MATA MASYARAKAT UMUM.

**WARGA TUDM SEKALIAN,**

SEPERTI YANG SAYA ANJURKAN DI DALAM PERINTAH ULUNG, KELESTARIAN **PEMBANGUNAN MODAL INSAN** DAN **KEBAJIKAN WARGA** JUGA MERUPAKAN ASPEK YANG PENTING DALAM MEMASTIKAN TUDM MAMPU MELAKSANAKAN PERANAN DAN TANGGUNGJAWABNYA DENGAN BERKESAN DAN SETERUSNYA MENYUMBANG KEPADA PENCAPAIAN VISI UNTUK MENJADI SATU KUASA UDARA YANG DOMINAN.

PELBAGAI USAHA DAN INISIATIF TELAH DIRANGKA BAGI MAKSUD INI. DIANTARANYA ADALAH SKIM ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG (AKC) YANG TELAH DIBERIKAN NAFAS BARU. IANYA KINI DINAMAKAN **ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)** DAN MULA DIIMPLEMENTASIKAN TAHUN INI. HASIL DARI KAJIAN MENDALAM YANG TELAH DIJALANKAN, PENAMBAHBAIKAN KEPADA SISTEM KUOTA DAN PROSEDUR MEMUKTAMADKAN SENARAI PENERIMA ANUGERAH TELAH DILAKUKAN. SISTEM KUOTA YANG BAHARU INI MENJANJIKAN KUOTA YANG LEBIH TINGGI DAN LEMBAGA APC DIPERINGKAT PANGKALAN PULA AKAN MEMASTIKAN KETELUSAN PROSEDUR MEMUKTAMADKAN SENARAI PENERIMA ANUGERAH. APC AKAN MEMBERIKAN PELUANG YANG LEBIH TINGGI KEPADA LEBIH RAMAI PEGAWAI DAN ANGGOTA UNTUK DIBERIKAN PENGIKTIRAFAN BAGI PRESTASI PERKHIDMATAN YANG CEMERLANG.

PADA MASA YANG SAMA, SEBAGAIMANA YANG KITA SEMUA SEDIA MAKLUM, TUDM TELAH PUN MULA MENDUDUKI PRASARANA BARU DI PANGKALAN UDARA SENDAYAN SEPANJANG TAHUN 2018. SEIRING DENGAN PEMBANGUNAN INI, TERDAPAT BEBERAPA PRASARANA BARU YANG BAKAL DITERIMA OLEH TUDM DALAM TAHUN 2019, TERUTAMANYA DI PU SENDAYAN, SUBANG DAN KUANTAN. KITA SEMUA AMAT MENGHARAPKAN PROSES INI BERJALAN LANCAR DAN SETERUSNYA MEMBERIKAN PRASARANA BARU YANG DILENGKAPI KEMUDAHAN TERKINI UNTUK DIMANAFATKAN TUDM.

ADALAH MENJADI HARAPAN SAYA AGAR FASILITI BARU YANG TERSERGAM INDAH DI PU SENDAYAN, SUBANG DAN KUANTAN BAKAL MENJANA KEUPAYAAN YANG LEBIH BERKESAN DAN SETERUSNYA MENYUNTIK SEMANGAT BARU BAGI SEGENAP LAPISAN WARGA TUDM KE ARAH KECEMERLANGAN YANG BERTERUSAN.

### **WARGA TUDM SEKELIAN,**

SALAH SATU TONGGAK UTAMA YANG SAYA TEKANKAN DI DALAM PERINTAH ULUNG ADALAH **BUDAYA PENGURUSAN CEMERLANG**. PELBAGAI AKTIVITI DAN INISIATIF BAGI MAKSUD INI TELAH DILAKSANAKAN. PADA JULAI HINGGA OGOS 2018 YANG LALU, 5 BUAH PESAWAT F/A-18D, SEBUAH PESAWAT A400M, 32 PEGAWAI DAN 62 ANGGOTA TELAH TERLIBAT DI DALAM **EKSESAIS PITCH BLACK DI DARWIN AUSTRALIA**. KECEMERLANGAN PERWIRA-PERWIRA KITA DARI NO 18 SKUADRON DI DALAM PELBAGAI SENARIO PENERBANGAN TEMPUR YANG KOMPLEKS DAN KECEMERLANGAN PERAJURIT-PERAJURIT YANG MENYELENGGARA PESAWAT DISEPANJANG EKSESAIS ADALAH SANGAT MEMBANGGAKAN. DALAM TEMPOH HAMPIR EMPAT MINGGU PENERBANGAN DI AUSTRALIA MENGGUNAKAN LIMA BUAH PESAWAT HORNET, **TIADA SEBARANG INSIDEN ATAU KEMALANGAN BERLAKU** DAN PERATUS KEBAIKAN PESAWAT ADALAH SEBANYAK **97 PERATUS**. PENCAPAIAN INI MENCERMINKAN BUDAYA PENGURUSAN YANG CEMERLANG DI PELBAGAI PERINGKAT.

SELAIN ITU, UNTUK SEPANJANG TAHUN 2018, SETAKAT INI, TUDM TELAH MEREKODKAN LEBIH DARI 21,500 JAM PENERBANGAN SECARA KESELURUHAN. UNTUK SEPANJANG TEMPOH DAN JAM PENERBANGAN TERSEBUT, CUMA TERDAPAT SATU KEMALANGAN KECIL YANG DILAKSANAKAN **BOARD OF INQUIRY** DAN TIADA SEBARANG KEMALANGAN YANG SERIUS DIREKODKAN. SAYA PERCAYA, TANPA PEMBUDAYAAN PENGURUSAN YANG CEMERLANG DISEMUA PERINGKAT, IANYA TIDAK AKAN MAMPU DICAPAI. SYABAS SAYA UCAPKAN KEPADA SEMUA DAN SAYA BERHARAP PENCAPAIAN INI AKAN DAPAT DIPERBAIKI UNTUK TAHUN 2019.

**PERWIRA DAN PERAJURIT YANG SAYA HORMATI SEKELIAN,**

WARGA TUDM MEMEGANG TEGUH LIMA NILAI TERAS DAN SALAH SATUNYA ADALAH KECEMERLANGAN. TAHUN 2018 MENYAKSIKAN PENGLIBATAN TUDM DALAM MISI-MISI BANTUAN KEMANUSIAAN ANTARABANGSA.

KITA BOLEH BERBANGGA DENGAN PENGLIBATAN TUDM DI DALAM **MISI KEMANUSIAAN DI PALU, SULAWESI INDONESIA**, PADA OKTOBER 2018 YANG LALU. KECEMERLANGAN OPERASI PESAWAT A400M DAN C-130 DI PALU TELAH MENGHARUMKAN NAMA TUDM, ATM DAN NEGARA DIPERSADA ANTARABANGSA. KEJAYAAN MISI KEMANUSIAAN TERSEBUT MERUPAKAN SATU PENCAPAIAN CEMERLANG YANG AMAT MEMBANGGAKAN.

SECARA TIDAK LANGSUNG IANYA JUGA TELAH MENINGKATKAN KEPERCAYAAN MASYARAKAT UMUM TERHADAP KEUPAYAAN TUDM. **MISI DIPLOMASI PERTAHANAN** INI JUGA TELAH MENGERATKAN LAGI HUBUNGAN DUA HALA ANTARA NEGARA KITA MALAYSIA DAN INDONESIA YANG MANA AMAT PENTING DALAM KONTEKS KEAMANAN DAN KESTABILAN SERANTAU.

BUDAYA CEMERLANG YANG KITA JUNJUNG INI JUGA TELAH MENYUMBANG KEPADA PELBAGAI INOVASI. ANTARANYA ADALAH **INOVASI INTEGRASI SISTEM PENGURUSAN KOMPUTER BERSEPADU (SPKB) KE DALAM SISTEM SATELIT X-BAND** BAGI MEMBOLEHKAN SPKB DIGUNAKAN DI PRINCE SULTAN AIR BASE, ARAB SAUDI PADA TAHUN 2018 INI. INOVASI INI TELAH MEMUDAHKAN URUSAN SENGGARAAN SERTA DOKUMENTASI PESAWAT OLEH TIM DETASMEN.

SEMANGAT INOVASI TUDM JUGA TELAH MENYUMBANG KEPADA PENINGKATAN KEUPAYAAN SERTA PENJIMATAN KOS DAN MASA. INI TERBUKTI MELALUI INISIATIF PENGGEMBELINGAN KERJASAMA OLEH TUDM BERSAMA KEPAKARAN AJENSI KERAJAAN DAN INDUSTRI TEMPATAN DALAM MENGHASILKAN SKOP KERJA BAGI *10-YEAR SERVICING* PESAWAT SU-30MKM. MELALUI INOVASI INI, TUDM TELAH MENJIMATKAN LEBIH RM 1 BILLION DAN JUMLAH *MAN-HOURS* YANG TIDAK TERKIRA BERBANDING SEKIRANYA SENGGARAAN TERSEBUT DILAKSANAKAN DI LUAR NEGARA.



USAHA KREATIF DAN INOVATIF SEDEMIKIANLAH YANG TELAH MELONJAKKAN NAMA TUDM DI PERSADA KECEMERLANGAN ANUGERAH INOVASI KEMENTERIAN PERTAHANAN YANG MENYAKSIKAN TUDM MENGUNGGULI TIGA DARIPADA ENAM KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN. OLEH DEMIKIAN, SAYA BERHARAP INOVASI SEBEGINI AKAN DAPAT TERUS DICETUSKAN OLEH WARGA TUDM AGAR BUDAYA KECEMERLANGAN INI TERUS MEKAR DAN MEMBERI IMPAK POSITIF KEPADA BUKAN SAHAJA PERKHIDMATAN MALAHAN NEGARA SECARA AMNYA.

#### **WARGA TUDM SEKELIAN,**

PADA BULAN MAC 2019 NANTI, TUDM SEKALI LAGI AKAN MENJADI TONGGAK PENGANJURAN ***LANGKAWI INTERNATIONAL MARITIME AND AEROSPACE EXHIBITION*** (LIMA 2019) DI PULAU LANGKAWI. SAYA BERHARAP SEMUA PIHAK DI SEMUA PERINGKAT DI DALAM TUDM YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG MAHUPUN TIDAK LANGSUNG, AKAN BERSAMA-SAMA BERUSAHA MENYUMBANG BAGI MENJAYAKAN PENGANJURAN ACARA PERINGKAT ANTARABANGSA LAGI BERPRESTIJ INI, DEMI UNTUK MENJULANG NAMA BAIK TUDM KHASNYA DAN NEGARA MALAYSIA AMNYA DIPERSADA ANTARABANGSA.

**PARA PERWIRA DAN PERAJURIT SEKALIAN,**

SEMPENA MENGHADAPI TAHUN BARU 2019 YANG SUDAH PASTINYA LEBIH MENCABAR, MARILAH KITA BERSAMA-SAMA BERILTIZAM UNTUK MENERUSKAN USAHA GIGIH DALAM MELAKSANAKAN PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB TUDM KEPADA TANAHAIR KITA YANG TERCINTA INI. SAYA MENYERU PERWIRA DAN PERAJURIT SEKALIAN UNTUK **TERUS MENGHAYATI PERINTAH ULUNG SAYA DAN MENJAYAKAN ASPIRASI ENAM PERKARA TONGGAK** YANG TELAH SAYA GARISKAN DALAM PERINTAH ULUNG TERSEBUT.

SAYA JUGA BERHARAP, SEMUA WARGA TUDM AKAN **MENERUSKAN KECEMERLANGAN DALAM ASPEK KESELAMATAN**, BAIK KESELAMATAN PENERBANGAN MAHUPUN KESELAMATAN AM DI TEMPAT KERJA. SAYA JUGA MENYERU AGAR SEMUA WARGA TUDM UNTUK **MENERUSKAN USAHA GIGIH BAGI MENCAPAI KPI-KPI YANG TELAH DISASARKAN DAN MENERUSKAN PEMBUDAYAAN NILAI-NILAI TERAS TUDM**. SAYA YAKIN DENGAN CARA INI, KITA PASTI MAMPU MENDEPANI SEBARANG CABARAN SEPERTI YANG TELAH KITA BUKTIKAN DALAM TAHUN 2018.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN INI, SAYA INGIN MENEKANKAN AGAR SEKALIAN WARGA TUDM SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA PENJAWAT AWAM, HENDAKLAH MENERUSKAN KECEMERLANGAN DAN MENJUNJUNG LIMA NILAI TERAS TUDM BUKAN SAHAJA DEMI PERKHIDMATAN BAHKAN NEGARA TERCINTA. KITA SEMUA PERLULAH MELIPATGANDAKAN USAHA DAN USAH BERPUAS-HATI DENGAN PENCAPAIAN YANG LAMPAU. TERUSKANLAH MELAKSANAKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB DENGAN PENUH DEDIKASI SECARA PROFESSIONAL DEMI MEMARTABATKAN KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN TUDM YANG KITA KASIHI INI.

AKHIR KATA, SEKALI LAGI SAYA MENGUCAPKAN SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU 2019 KEPADA SEMUA PERWIRA, BENTARA DAN PERAJURIT WARGA CEMERLANG TUDM. SEMOGA SEGALA USAHA KITA DI HARI MENDATANG BAKAL MENDAPAT KEREDHAAN DAN KEBERKATAN DARI ALLAH SUBHANAHU WA TAALA YANG BERPANJANGAN HENDAKNYA, INSYAALLAH.

**SEKIAN, WA BILLAHI TAUFIK WAL HIDAYAH WASSALAMMU ALAIKUM  
WA RAHMATULLAHHI WA BARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA  
SENTIASA DI ANGKASA RAYA**